

70 peratus masuk Tingkatan 4 MRSM, SBP, SMS mesti aliran STEM

Syarat bermula tahun hadapan tarik minat pelajar dalam bidang teknologi baharu

Oleh Mohd Nasaruddin Parzi
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kerajaan menetapkan syarat baharu supaya 70 peratus kemasukan ke Tingkatan Empat di Maktab Rendah Sains MARA (MRSM), sekolah berasrama penuh (SBP) dan sekolah menengah sains (SMS) mulai tahun depan mesti dalam aliran Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM).

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, berkata walaupun ada bantahan daripada ibu bapa, pelaksanaan syarat itu perlu diteruskan.

Beliau berkata, keputusan itu dibuat memandangkan minat pelajar khususnya pelajar Melayu terhadap STEM semakin merosot, tidak seiring dasar baharu negara yang bertumpu kepada bidang teknologi baharu.

"Mulai tahun depan, MRSM, sekolah berasrama penuh dan sekolah menengah sains, 70 peratus mesti daripada aliran STEM," katanya berucap pada Majlis Peluncuran Wakaf MARA MADANI sempena sambutan Hari MARA Ke-59 di Kuala Lumpur, semalam.

Hadir sama Timbalan Perdana

Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi dan Pengerusi MARA, Datuk Dr Asyraf Wajdi Dusuki.

Atasi minat kian merosot

Mengulas lanjut, Anwar yang juga Menteri Kewangan menjelaskan kemerosotan minat pelajar Melayu dalam STEM membimbangkan dan usaha segera perlu dilakukan untuk menarik minat mereka ke dalam aliran berkenaan.

"Minat pelajar Melayu dalam STEM merosot (tetapi) ekonomi melonjak. Kecerdasan buatan (AI) menjadi dasar utama, pusat data bercambah dalam negara, minat pelabur juga sangat membanggakan.

"Saya sudah arahkan mulai tahun ini diberi tumpuan di semua MRSM, sekolah menengah sains, sekolah menengah berasrama penuh dan sekolah menengah agama.

"Tanpa terkecuali, ambil langkah segera untuk memberikan tekanan supaya ada minat yang bertambah anak kita masuk ke STEM," katanya.

Beliau menzahirkan rasa kesal ketika tumpuan harus diberi kepada bidang teknologi masa depan, pemikiran sebahagian masyarakat hari ini masih terbelenggu dengan isu lama.

"Kita umumnya, masyarakat Melayu Bumiputera dalam pertempuran idea persaingan yang sengit kerana kita masih belum dapat mengajak seluruh masyarakat Melayu Islam fokus tentang apa yang akan menjamin masa depan kita.

"Kita masih terbelit dengan



Anwar diiringi Ahmad Zahid dan Asyraf Wajdi pada Majlis Peluncuran Wakaf MARA MADANI sempena sambutan Hari MARA Ke-59 di Kuala Lumpur, semalam. (Foto Facebook Dr Asyraf wajdi Dusuki)

isu lama, isu yang menakutkan bangsa, isu kaum yang mengheret kita berdebat tanpa penyelesaian. Kita membicarakan soal agama yang tidak membantu mengangkat harakat Muslim.

"Apa sahaja disiplin teknologi baharu baik oleh Microsoft, Google, Infineon, Nvidia dan te-

rakhir Arm (Limited), soalnya di mana meletak keutamaan kita jaminan masa depan Melayu," katanya.

Anwar menggesa kementerian dan agensi termasuk MARA, menggembleng tenaga dan usaha melakukan anjakan besar terhadap cara kerja dan bertindak.

"(Ini) untuk membawa satu

kumpulan generasi saf baru yang ada kesedaran yang boleh memulihkan nasib bangsa.

"Supaya (mereka) tidak boleh luntur, tidak boleh selesa, tidak boleh anggap kita sudah capai, belum mampu kita capai kalau kita tak melonjak cara agresif dan radikal. Anjakannya mesti dari sekarang," katanya.